

lokal



DUA feri baharu diletakkan di Pangkalan Tun Raja Uda, Georgetown.

4 feri baharu beroperasi Ogos

Butterworth: Sejarah khidmat feri di Pulau Pinang yang bermula pada 1894 di teruskan apabila empat feri baharu bakal digunakan untuk keselesaan penumpang dalam dan luar negara.

Difahamkan empat feri baharu yang setiap satu bernilai RM18 juta tiba di negeri ini kelmarin dan dijangka akan memulakan operasi bulan hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Port Sdn Bhd (PPSB) Datuk Sa sedharan Vasudevan, berkata feri yang dike nali seba

gai Teluk Kumbar, Teluk Bahang, Teluk Duyung dan Teluk Kampi itu dibawa menggunakan sebuah kapal kargo dari Vietnam.

Menurutnya, dua feri itu kemudian ditunda ke Terminal Kapal Persiaran Jeti Swettenham (SPCT) di bahagian pulau dan dua lagi dibawa ke bahagian tanah besar di Seberang Perai.

“Keempat-empat feri ini akan memulakan operasi bulan hadapan di terminal Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU) dan Pangkalan Sultan Abdul Halim

(PSAH) yang sudah dinaik taraf,” katanya.

Terdahulu, PPSB membelanjakan RM100 juta untuk empat feri baharu itu termasuk kos bagi menaiktaraf dua terminal berkenaan.

Feri baharu terbabit boleh memuatkan 250 penumpang dan 50 kenderaan dua roda dalam satu masa yang waktu perjalanan memakan masa 10 minit berbanding 20 minit sebelumnya.

Dalam pada itu, Menteri Pengangkutan Anthony Loke yang dilaporkan mengadakan lawatan kerja di Pulau Pinang dijadual menaiki feri baharu berkenaan di SPCT pada Sabtu ini.

Feri RM18 juta
memulakan operasi
bulan hadapan